

# PRIVACY POLICY – MALAYSIA

## 1. INTRODUCTION

Device Technologies is committed to safeguarding your privacy and the confidentiality of your personal information.

This Privacy Policy explains how we handle and protect personal information. It also explains the ways in which an individual can contact us to request access, to correct its personal information and complain about a breach of privacy.

In this policy, Device Technologies means DTG Medical Sdn. Bhd. 1338005-A, its associated entities, related bodies corporate.

Personal information is information that identifies you or could reasonably identify an individual (whether directly or indirectly), such as name, contact details and records of dealings with Device Technologies.

Sensitive information is a type of personal information which may include, amongst other things, information regarding a person's criminal record, mental and health information and racial or ethnic origin.

By providing personal or sensitive information to us or by using this website, you acknowledge and agree to the terms and conditions of this Privacy Policy.

## 2. COLLECTION OF PERSONAL INFORMATION

Device Technologies collects personal information that is reasonably necessary for or directly related to our functions and activities as a provider of medical devices. In some cases, we are required by law to collect personal information in order to comply with our legal and regulatory obligations such as responding to safety concerns about our products.

Device Technologies will only collect personal information to the extent required to carry on its business, and only for the purposes set out in this Privacy Policy, unless

notified to you at the time of collection. Device Technologies may collect personal information about you through our interactions with you and we will inform you about the purpose and use of the collected information.

The personal information we collect may include your name, address, date of birth, email address and phone number. At times where reasonably necessary for a legitimate business purpose, information collected may include sensitive information such as health and medical procedure information.

Device Technologies collects your personal information through our interaction with you in the course of providing a product or service or when you have other dealings with us. For example, your personal information will be collected when you communicate with us by telephone, email, online or when receiving technical and customer support.

Device Technologies may collect information about you from third parties such as credit reporting bodies or other similar entities. In the event that we receive your personal information from a third party, it is under the condition that the third party providing this data has obtained your consent to disclose your personal information to Device Technologies (either held directly by Device Technologies or by an offshore entity).

Some information may also be collected passively as you navigate through our websites, such as information about your computer hardware and software that is automatically collected by Device Technologies, including your IP address, browser type, domain names, and access times and referring website addresses. This information is used by Device Technologies for the operation of the service, to maintain quality of the service, and to provide general statistics regarding use of the Device Technologies website. See also the section titled 'USE OF COOKIES'.

### **3. USE AND DISCLOSURE OF PERSONAL INFORMATION**

Device Technologies will process your personal information which you have voluntarily provided to us for the purpose for which it is collected as outlined in this policy or otherwise disclosed to you at the time of collection (together, the **Relevant Purposes**), which generally includes the following purposes:

- For our everyday business operations and to interact and carry out transactions with you or your organisation;
- in the course of the sale, distribution or provision of medical devices;
- in the course of support service to those medical devices;
- to respond to your inquiries and requests providing you information regarding our products and services via email alerts, SMS or post;
- for the purposes of upcoming conferences and other scientific and educational programs;
- any required financial disclosure reporting;
- assessment of credit account applications;
- for business records keeping purposes as required by any applicable laws or internal business policies;
- for any employment related purposes;
- for internal business purposes such as improving our products and services offerings including and providing you with offerings about products and services that may be of interest to you including mobile computing applications;
- to provide you with access to online social media resources which we may offer from time to time;
- for compliance with regulatory requirements, such as maintaining a record of medical queries, complaints, adverse events and recalls relating to our products;
- any purpose to which you provided an express consent; and
- any purpose required and permitted by law.

Device Technologies may disclose your personal information to third parties (including overseas parties) to enable its provision of products and services, including:

- manufacturers of products supplied to you;
- professional advisers, including lawyers, insurers, financial institutions, accountants and auditors
- third party service providers such as website hosting and moderating, IT services, mobile application hosting, data analysis, e-mail and direct mail delivery services, payment and credit card processing, and other such services; and
- Government, regulatory and law enforcement authorities.

You acknowledge and agree that it is necessary for Device Technologies to process your personal information for any Relevant Purpose. If you fail to supply your personal information to Device Technologies for a Relevant Purpose, Device Technologies may not be able to continue to process the personal information you have provided to date in relation to that Relevant Purpose or perform that Relevant Purpose. You hereby consent to the processing of your personal information in accordance with the Relevant Purposes.

#### **4. RETENTION PERIOD**

Device Technologies will retain your personal information for so long as it is necessary to achieve the applicable purpose as described in this policy.

#### **5. CROSS BORDER TRANSFER**

Device Technologies may transfer personal information across borders on the basis of a genuine business need, for example:

- to our overseas suppliers and product manufacturers for product placement, warranty or insurance requirements, complaint resolution and technical servicing requirements including where in the event a software requires repair or servicing and it is impossible to separate personal information from the software;
- to selected third parties to provide Device Technologies with support services such as database IT support, where from time to time such third parties may access your personal information to enable them to provide those services to Device Technologies; and
- Information to countries outside country of origin in the course of electronic data storage, transmission and management.

Device Technologies will ensure that the use and disclosure of personal information overseas is done in compliance with applicable local data protection and privacy laws.

Device Technologies will not sell your personal information to any third party for any purpose.

## **6. USE OF COOKIES**

A cookie is a small text file that is placed on your computer's hard disk by a Web page server. Cookies record information about your visit, including the type of browser and operating system you use, previous sites visited and your server's IP address. The Device Technologies' websites use cookies to recall such information on subsequent visits. Device Technologies does not use cookies to record any of your personal information. A cookie exists only during the time you are accessing Device Technologies' server. If you do not wish to use a cookie, you can adjust your browser settings to reject cookies or notify you when they are being used.

Device Technologies also uses pixel tags (which are similar to cookies) to monitor the open rate of our communications, they are used to determine whether certain promotional or commercial emails we send to you are opened. This helps us understand the effectiveness of communications we send. You hereby consent that we may collect and use your personal data for such monitoring.

## **7. STORAGE AND SECURITY OF PERSONAL INFORMATION**

Device Technologies stores personal information in a combination of secure computer storage facilities, paper-based facilities and other records including cloud storage. If you have registered on our website or have requested information via our websites, we store your personal information in databases and email servers.

We will endeavour to take all reasonable precautions to maintain the security of the information in our systems. Device Technologies uses a variety of security technologies and procedures to help protect your personal information from any loss, modification or unauthorised access, use, alteration, disclosure or destruction. Device Technologies secures the personally identifiable information you provide on computer servers in a controlled, secure environment, protected from unauthorised access, use or disclosure. When personal information (such as a credit card number) is transmitted to other websites, it is protected through the use of encryption, such as the Secure Socket Layer (SSL) protocol.

Unfortunately, no method of safeguarding information is 100% secure. If you have reason to believe that your interaction with us is no longer secure, please

immediately notify us of the problem by contacting our Privacy Officer using the details below.

## **8. OPTING-OUT**

If you do not wish to continue receiving marketing communications from Device Technologies, please use the unsubscribe facility on the bottom of the company's emails or contact our Privacy Officer using the details below.

## **9. ACCESSING AND UPDATING YOUR PERSONAL INFORMATION**

Subject to some exceptions contained in the Personal Data Protection Act 2010, you may access, review, correct, update, or delete the personal information we hold about you by contacting our Privacy Officer using the details below. We will comply with your request as soon as reasonably practicable.

## **10. PRIVACY COMPLAINTS**

If you wish to complain about our handling of your personal information, please contact our Privacy Officer using the details below.

We will investigate all complaints and respond to you as soon as practicable. If you believe your complaint has not been satisfactorily resolved, you may lodge a complaint with the Personal Data Protection Commissioner in Malaysia, or the relevant local authority body. For more information on privacy, you can contact the Department of Protection of Personal Data ("**Department**") at +603 8000 8000 or visit the Department's website at [www.pdp.gov.my](http://www.pdp.gov.my) or your relevant local authority body.

## **11. CONTACT OUR PRIVACY OFFICER**

If you have a privacy complaint or wish to access, review, correct, update, or delete the personal information that we hold about you, please contact our Privacy Officer using the following details:

Email: [privacy@dtgmedical.com.my](mailto:privacy@dtgmedical.com.my)

Address: The Privacy Officer

Unit 27-8, Menara One Mont Kiara,

Jalan Kiara,  
Mont Kiara 50480  
Kuala Lumpur

## **12. UPDATES TO THIS PRIVACY POLICY**

Device Technologies may from time to time update this Privacy Policy. Device Technologies encourages you to periodically review this policy to be informed of how Device Technologies is protecting your information. When such a change is made, we will update the “Last Updated” date above.

## **PRIVASI – MALAYSIA**

### **1. PENGENALAN**

Device Technologies adalah komited untuk melindungi privasi anda dan kerahsiaan maklumat peribadi anda.

Dasar Privasi ini menerangkan bagaimana kami mengendalikan dan melindungi maklumat peribadi. Ia juga menjelaskan cara seseorang boleh menghubungi kami untuk meminta akses, untuk membetulkan maklumat peribadi dan mengadu tentang pelanggaran privasi.

Dalam dasar ini, Device Technologies bermaksud DTG Medical Sdn. Bhd. 1338005-A, entiti bersekutunya, badan korporat yang berkaitan.

Maklumat peribadi ialah maklumat yang mengenal pasti anda atau berupaya mengenal pasti seseorang individu dengan wajar (sama ada secara langsung atau tidak langsung), seperti nama, butiran untuk dihubungi dan rekod urusan dengan Device Technologies.

Maklumat sensitif ialah jenis maklumat peribadi yang mungkin termasuk, antara lain, maklumat tentang rekod jenayah, maklumat keadaan mental dan kesihatan serta asal usul kaum atau etnik seseorang.

Dengan memberikan maklumat peribadi atau sensitif kepada kami atau dengan menggunakan laman web ini, anda mengakui dan bersetuju dengan terma dan syarat Dasar Privasi ini.

### **2. PENGUMPULAN MAKLUMAT PERIBADI**

Device Technologies mengumpul maklumat peribadi yang diperlukan dengan wajar untuk atau berkaitan secara langsung dengan fungsi dan aktiviti kami sebagai penyedia peranti perubatan. Dalam sesetengah kes, kami dikehendaki oleh undang-undang untuk mengumpul maklumat peribadi bagi mematuhi obligasi undang-undang dan kawal selia kami seperti menangani kebimbangan keselamatan produk kami.

Device Technologies hanya akan mengumpulkan maklumat peribadi setakat yang diperlukan untuk mengendalikan perniagaannya, dan hanya untuk tujuan yang dinyatakan dalam Dasar Privasi ini, kecuali dimaklumkan kepada anda pada masa pengumpulan. Device Technologies boleh mengumpul maklumat peribadi tentang anda melalui interaksi kami dengan anda dan kami akan memaklumkan anda mengenai



tujuan dan penggunaan maklumat yang dikumpulkan.

Maklumat peribadi yang kami kumpulkan mungkin termasuk nama, alamat, tarikh lahir, alamat e-mel dan nombor telefon anda. Sekali-sekala di mana ia diperlukan secara wajar untuk tujuan perniagaan yang sah, maklumat yang dikumpulkan boleh termasuk maklumat sensitif seperti maklumat prosedur kesihatan dan perubatan.

Device Technologies mengumpul maklumat peribadi anda melalui interaksi kami dengan anda semasa menyediakan produk atau perkhidmatan atau apabila anda mempunyai urusan lain dengan kami. Sebagai contoh, maklumat peribadi anda akan dikumpulkan apabila anda berkomunikasi dengan kami melalui telefon, e-mel, dalam talian atau semasa menerima sokongan teknikal dan pelanggan.

Device Technologies boleh mengumpul maklumat tentang anda daripada pihak ketiga seperti badan pelaporan kredit atau entiti lain yang serupa. Sekiranya kami menerima maklumat peribadi anda daripada pihak ketiga, ia adalah dengan syarat pihak ketiga yang memberikan data ini telah memperoleh persetujuan anda untuk mendedahkan maklumat peribadi anda kepada Device Technologies (sama ada dipegang secara langsung oleh Device Technologies atau oleh sebuah entiti luar pesisir).

Sesetengah maklumat juga boleh dikumpulkan secara pasif semasa anda melayari laman web kami, seperti maklumat tentang perkakasan dan perisian komputer anda yang dikumpul secara automatik oleh Device Technologies, termasuk alamat IP anda, jenis penyemak imbas, nama domain, dan masa akses serta alamat laman web rujukan. Maklumat ini digunakan oleh Device Technologies untuk mengendalikan perkhidmatan, untuk mengekalkan kualiti perkhidmatan, dan untuk menyediakan statistik umum tentang penggunaan laman web Device Technologies. Lihat juga bahagian yang bertajuk 'PENGGUNAAN KUKI'.

### **3. PENGGUNAAN DAN PENDEDAHAN MAKLUMAT PERIBADI**

Device Technologies akan memproses maklumat peribadi anda yang anda telah berikan kepada kami secara sukarela untuk tujuan seperti yang digariskan dalam dasar ini atau yang dinyatakan kepada anda pada masa pengumpulan (bersama, **Tujuan yang Relevan**), yang secara amnya termasuk tujuan yang berikut:

- Untuk pengendalian perniagaan harian kami dan untuk berinteraksi dan menjalankan transaksi dengan anda atau organisasi anda;
- semasa penjualan, pengedaran atau penyediaan peranti perubatan;
- semasa melaksanakan perkhidmatan sokongan untuk peranti perubatan tersebut;

- untuk membalas pertanyaan dan permintaan anda dengan memberi maklumat tentang produk dan perkhidmatan kami kepada anda melalui pemakluman e-mel, SMS atau pos;
- untuk tujuan persidangan yang akan datang dan program saintifik dan pendidikan lain;
- apa-apa pelaporan pendedahan kewangan yang diperlukan;
- penilaian aplikasi akaun kredit;
- untuk tujuan penyimpanan rekod perniagaan seperti yang diperlukan oleh mana-mana undang-undang yang terpakai atau dasar perniagaan dalaman;
- untuk mana-mana tujuan berkaitan pekerjaan;
- untuk tujuan perniagaan dalaman seperti mempertingkatkan penawaran produk dan perkhidmatan kami yang termasuk serta penyediaan produk dan perkhidmatan yang mungkin menarik minat anda termasuk aplikasi pengkomputeran mudah alih;
- untuk memberi anda akses kepada sumber media sosial dalam talian yang kami mungkin tawarkan dari semasa ke semasa;
- untuk mematuhi keperluan kawal selia, seperti menyimpan rekod pertanyaan perubatan, aduan, peristiwa buruk dan penarikan balik yang berkaitan dengan produk kami;
- sebarang tujuan yang mana anda telah memberi persetujuan yang nyata; dan
- sebarang tujuan yang dikehendaki dan dibenarkan oleh undang-undang.

Device Technologies boleh mendedahkan maklumat peribadi anda kepada pihak ketiga (termasuk pihak di luar negara) untuk membolehkan pembekalan produk dan perkhidmatannya, termasuk:

- pengilang produk yang dibekalkan kepada anda;
- penasihat profesional, termasuk peguam, syarikat insurans, institusi kewangan, akauntan dan juruaudit
- penyedia perkhidmatan pihak ketiga seperti pengehosan dan penyederhanaan laman web, perkhidmatan IT, pengehosan aplikasi mudah alih, analisis data, e-mel dan perkhidmatan penghantaran mel terus, pemprosesan pembayaran dan kad kredit, dan perkhidmatan sedemikian yang lain; dan
- Pihak berkuasa kerajaan, kawal selia dan penguatkuasaan undang-undang.

Anda mengakui dan bersetuju bahawa ia adalah perlu bagi Device Technologies untuk memproses maklumat peribadi anda untuk sebarang Tujuan yang Relevan.. Sekiranya anda gagal untuk membekalkan maklumat peribadi anda kepada Device Technologies untuk Tujuan yang Relevan, Device Technologies mungkin tidak dapat terus memproses maklumat peribadi yang telah anda berikan hingga kini berhubung dengan Tujuan yang

Relevan atau melaksanakan Tujuan yang Relevan tersebut. Anda dengan ini bersetuju untuk memproses maklumat peribadi anda mengikut Tujuan yang Relevan.

#### **4. TEMPOH PENGEKALAN**

Device Technologies akan mengekalkan maklumat peribadi anda selagi ia diperlukan untuk mencapai tujuan yang berkenaan seperti yang dijelaskan dalam dasar ini.

#### **5. PEMINDAHAN MERENTASI SEMPADAN**

Device Technologies boleh memindahkan maklumat peribadi merentasi sempadan berdasarkan keperluan perniagaan yang sebenar, sebagai contoh:

- kepada pembekal dan pengeluar produk kami di luar negara untuk penempatan produk, jaminan atau keperluan insurans, penyelesaian aduan dan keperluan perkhidmatan teknikal termasuk di mana sekiranya perisian memerlukan pembaikan atau servis dan ia adalah sukar untuk memisahkan maklumat peribadi daripada perisian;
- kepada pihak ketiga terpilih untuk menyediakan Device Technologies dengan perkhidmatan sokongan seperti sokongan pangkalan data IT, di mana dari semasa ke semasa pihak ketiga boleh mengakses maklumat peribadi anda untuk membolehkan mereka menyediakan perkhidmatan tersebut kepada Device Technologies; dan
- Maklumat kepada negara-negara di luar negara asal ketika melaksanakan penyimpanan, penghantaran dan pengurusan data elektronik.

Device Technologies akan memastikan penggunaan dan pendedahan maklumat peribadi di luar negara dilakukan dengan mematuhi undang-undang perlindungan data dan undang-undang privasi tempatan yang terpakai.

Device Technologies tidak akan menjual maklumat peribadi anda kepada mana-mana pihak ketiga untuk apa-apa tujuan.

#### **6. PENGGUNAAN KUKI**

Kuki ialah fail teks kecil yang diletakkan pada cakera keras komputer anda oleh pelayan laman Web. Kuki mencatat maklumat tentang kunjungan anda, termasuk jenis penyemak imbas dan sistem operasi yang anda gunakan, tapak terdahulu yang dikunjungi dan alamat IP pelayan anda. Laman web Device Technologies menggunakan

kuki untuk memperoleh kembali maklumat sedemikian pada kunjungan yang berikutnya. Device Technologies tidak menggunakan kuki untuk merekod mana-mana maklumat peribadi anda. Kuki hanya wujud semasa anda mengakses pelayan Device Technologies. Jika anda tidak mahu menggunakan kuki, anda boleh menyesuaikan tetapan penyemak imbas anda untuk menolak kuki atau memaklumkan anda semasa ia digunakan.

Device Technologies juga menggunakan tag piksel (yang serupa dengan kuki) untuk memantau kadar anda membuka komunikasi kami, ia digunakan untuk menentukan sama ada e-mel promosi atau komersial tertentu yang kami hantar kepada anda dibuka. Ini membantu kami memahami keberkesanan komunikasi yang dihantar oleh kami. Anda dengan ini bersetuju bahawa kami boleh mengumpul dan menggunakan data peribadi anda untuk pemantauan sedemikian.

## **7. MAKLUMAT PENYIMPANAN DAN KESELAMATAN MAKLUMAT PERIBADI**

Device Technologies menyimpan maklumat peribadi dalam kombinasi kemudahan penyimpanan komputer yang selamat, kemudahan berasaskan kertas dan rekod lain termasuk penstoran awan. Jika anda telah mendaftar di laman web kami atau meminta maklumat melalui laman web kami, kami menyimpan maklumat peribadi anda dalam pangkalan data dan pelayan e-mel.

Kami akan berusaha untuk mengambil segala langkah berjaga-jaga yang wajar untuk mengekalkan keselamatan maklumat tersebut dalam sistem kami. Device Technologies menggunakan pelbagai teknologi dan prosedur keselamatan untuk membantu melindungi maklumat peribadi anda daripada apa-apa kehilangan, pengubahsuaian atau akses, penggunaan, perubahan, pendedahan atau pemusnahan yang tidak dibenarkan. Device Technologies memastikan maklumat yang diberi oleh anda yang dapat dikenal pasti secara peribadi selamat pada pelayan komputer dalam keadaan yang terkawal dan terjamin, terlindung daripada pengaksesan, penggunaan atau pendedahan yang tidak dibenarkan. Apabila maklumat peribadi (seperti nombor kad kredit) dihantar ke laman web lain, ia dilindungi melalui penggunaan penyulitan, seperti protokol Lapisan Soket Selamat (Secure Socket Layer, SSL).

Malangnya, tiada kaedah untuk melindungi maklumat adalah selamat 100%. Sekiranya anda mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa interaksi anda dengan kami tidak lagi selamat, sila maklumkan dengan segera tentang masalah ini dengan menghubungi Pegawai Privasi kami dengan menggunakan butiran di bawah.

## **8. PILIH KELUAR**

Sekiranya anda tidak mahu terus menerima komunikasi pemasaran daripada Device

Technologies, sila gunakan kemudahan henti langganan di bahagian bawah e-mel syarikat, atau hubungi Pegawai Privasi kami dengan menggunakan butiran di bawah.

## **9. MENGAkses DAN MENGEMAS KINI MAKLUMAT PERIBADI ANDA**

Tertakluk kepada beberapa pengecualian yang terkandung dalam Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, anda boleh mengakses, menyemak, membetulkan, mengemas kini, atau memadamkan maklumat peribadi yang kami simpan tentang anda dengan menghubungi Pegawai Privasi kami dengan menggunakan butiran di bawah. Kami akan mematuhi permintaan anda dengan secepat mungkin.

## **10. ADUAN PRIVASI**

Jika anda ingin mengadu tentang cara kami mengendalikan maklumat peribadi anda, sila hubungi Pegawai Privasi kami dengan menggunakan butiran di bawah.

Kami akan menyiasat semua aduan dan memberi respons kepada anda secepat mungkin. Jika anda percaya aduan anda tidak diselesaikan dengan memuaskan, anda boleh membuat aduan dengan Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi di Malaysia, atau badan pihak berkuasa tempatan yang berkenaan. Untuk maklumat lanjut tentang privasi, anda boleh menghubungi Jabatan Perlindungan Data Peribadi ("**Jabatan**") di +603 8000 8000 atau lawati laman web Jabatan di [www.pdp.gov.my](http://www.pdp.gov.my) atau badan berkuasa tempatan berkenaan anda.

## **11. HUBUNGI PEGAWAI PRIVASI KAMI**

Sekiranya anda mempunyai aduan privasi atau ingin untuk mengakses, menyemak, membetulkan, mengemas kini, atau memadamkan maklumat peribadi yang kami simpan tentang anda, sila hubungi Pegawai Privasi kami dengan menggunakan butiran berikut:

E-mel: [privacy@dtgmedical.com.my](mailto:privacy@dtgmedical.com.my)  
Alamat: The Privacy Officer  
Unit 27-8, Menara One Mont Kiara,  
Jalan Kiara,  
Mont Kiara 50480  
Kuala Lumpur

## **12. KEMAS KINI KEPADA DASAR PRIVASI INI**

Device Technologies boleh dari semasa ke semasa mengemas kini Dasar Privasi ini. Device Technologies menggalakkan anda untuk menyemak dasar ini secara berkala untuk dimaklumkan tentang cara Device Technologies melindungi maklumat anda. Apabila pindaan sedemikian dibuat, kami akan mengemas kini tarikh “Kemas Kini Terakhir” di atas.